

Headline	Tanaman herba di Jempol		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	42	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	285 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,699
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,097



Tanaman herba di Jempol

SERAMAI 100 ahli Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Bayai Bhd. di Jempol, Negeri Sembilan terpilih mengikuti Projek Penanaman Herba Terpilih Secara Sistem Selingan Bagi Penghasilan Produk Berkualiti Tinggi menerusi Program Malaysia Social Innovation (MySI).

Pengerusi Biro Pentadbiran dan Pengurusan koperasi tersebut, Mohd. Nazri Rosli berkata, projek bernilai RM260,000 yang diluluskan oleh Kementerian Sains,

Teknologi dan Inovasi itu dijangka menambah pendapatan ahli koperasi secara berterusan.

Jelasnya, projek di Jempol itu merupakan model pertama Ladang Integrasi Herba Berkualiti Tinggi tersebut dan ia melibatkan penanaman 'Klon Elit' melalui teknologi yang dihasilkan oleh pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Tambah Mohd. Nazri, antara herba yang akan ditanam ialah baka elit Kacip Fatimah FaFa FO1, Baka

Superior Limau Kasturi dan Serai Makan.

■ **PENGARAH** Bahagian Agribisnes dan Hal Ehwal Projek, Koperasi Felcra Berhad, Datuk Hazrinor Hisham Harun (tengah) ketika merasmikan Projek Penanaman Herba Terpilih Secara Sistem Selingan Bagi Penghasilan Produk Berkualiti Tinggi di Felcra Gugusan Bayai di Jempol baru-baru ini. - UTUSAN/NURULAZMA SYAFIQAH KHAIRUL AZHAR

